BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sorotan Bulanan
Oktober 2025

Inflasi keseluruhan lebih rendah pada bulan Oktober, manakala inflasi teras meningkat sedikit



[1] Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir.

[2] Bahan api dikategorikan sebagai "Pengangkutan".

[3] Perkhidmatan komunikasi mudah alih dikategorikan sebagai "Lain-lain".

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

- Pada bulan Oktober, inflasi keseluruhan adalah lebih rendah pada 1.3% (September 2025: 1.5%), manakala inflasi teras meningkat sedikit kepada 2.2% (September 2025: 2.1%).
- Penurunan inflasi keseluruhan sebahagian besarnya didorong oleh inflasi yang lebih rendah bagi barangan bukan teras. Hal ini termasuk penurunan berterusan dalam inflasi elektrik, berikutan pemberian rebat susulan kos penjanaan yang lebih rendah, serta harga bahan api[2] yang lebih rendah sepanjang bulan tersebut.
- Inflasi teras yang lebih tinggi didorong oleh peningkatan inflasi perkhidmatan komunikasi mudah alih.[3] Peningkatan ini mencerminkan kesan asas negatif yang mereda berikutan penurunan besar harga perkhidmatan mudah alih pascabayar pada bulan Oktober 2024, dan bukannya disebabkan oleh perubahan dalam tekanan harga asas.

Pertumbuhan eksport yang kukuh menyokong lebihan dagangan



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan MATRADE

- Eksport meningkat sebanyak 15.7% (September 2025: 12.5%) berikutan pertumbuhan kukuh sektor elektrik dan elektronik (E&E) sebanyak 26.5% (September 2025: 19.5%).
- Pertumbuhan import meningkat kepada 11.2% (September 2025: 7.2%) disebabkan oleh pertumbuhan yang lebih tinggi dalam import barangan modal yang berkaitan dengan pelaburan pusat data.
- Lebihan dagangan kekal besar pada RM19 bilion berikutan prestasi eksport yang kukuh (September 2025: RM20.2 bilion).

Sorotan Bulanan
Oktober 2025

Pertumbuhan kredit kepada sektor swasta bukan kewangan kekal mampan

Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan



Sumber: Bank Negara Malaysia

- Kredit kepada sektor swasta bukan kewangan meningkat sebanyak 5.7% (September 2025: 5.9%) susulan pertumbuhan yang stabil dalam pinjaman terkumpul (5.6%; September 2025: 5.7%). Pertumbuhan dalam bon korporat terkumpul pula menurun kepada 5.8% (September 2025: 7.3%).
- Pinjaman perniagaan terkumpul berkembang sebanyak 5.5% (September 2025: 5.4%), disokong oleh pertumbuhan yang lebih tinggi bagi pinjaman modal kerja, khususnya dalam kalangan bukan PKS.
- Pertumbuhan pinjaman isi rumah kekal stabil pada 5.7% (September 2025: 5.7%) berikutan pertumbuhan pinjaman yang berterusan bagi kebanyakan tujuan.

Bank mengekalkan aset mudah tunai yang mencukupi sebagai penampan untuk menghadapi potensi kejutan mudah tunai

Nisbah Perlindungan Mudah Tunai Sistem Perbankan



Sumber: Bank Negara Malaysia

- Sistem perbankan terus mencatatkan penampan aset mudah tunai yang kukuh dengan agregat Nisbah Perlindungan Mudah Tunai sebanyak 147.5% (September 2025: 151.5%).

Kualiti aset sistem perbankan kekal kukuh



Sumber: Bank Negara Malaysia

- Nisbah pinjaman terjejas kasar dan nisbah pinjaman terjejas bersih kekal stabil masing-masing pada 1.4% dan 0.9%.
- Nisbah perlindungan kerugian pinjaman (termasuk rizab pengawalseliaan) kekal berhemat pada 126.4% daripada jumlah pinjaman terjejas kasar (September 2025: 129.1%).

Pasaran kewangan domestik kekal dipengaruhi oleh jangkaan pelonggaran dasar monetari AS dan ketidakpastian berkaitan tarif yang semakin kurang



Nota: Data kadar pertukaran ialah kadar pada pukul 12:00 tengah hari di pasaran Pertukaran Asing Antara Bank Kuala Lumpur.
* Negara-negara serantau merangkumi Singapura, Thailand, Filipina, Indonesia dan Korea Selatan.
Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia

- Pasaran kewangan global kekal berteraskan jangkaan pengurangan kadar dasar oleh Federal Reserve AS (Fed) pada bulan Oktober, dengan pengurangan yang dijangka dilaksanakan oleh Fed pada penghujung bulan tersebut.
- Berlatarkan keadaan ini, ringgit menambah nilai berbanding dolar AS sebanyak 0.5% (NEER: 1.1%; purata serantau*: -0.6%), disokong oleh perbezaan kadar faedah yang mengecil dan ketidakpastian berkaitan tarif yang semakin kurang susulan pengumuman perjanjian perdagangan antara AS dengan Malaysia.
- Sementara itu, kadar hasil MGS 10 tahun meningkat sebanyak 4 mata asas (purata serantau*: 0.4 mata asas) berikutan jangkaan pengurangan kadar OPR pada masa hadapan yang semakin berkurang. FBM KLCI mencatatkan penurunan sebanyak 0.2% (purata serantau*: 5.3%), mencerminkan aktiviti pengambilan untung oleh pelabur bukan pemastautin.